



## SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

Bil. 50/2019

### SPR HANTAR KAD PENGUNDI (VOTER'S CARD) KEPADA 39,349 ORANG PENGUNDI DI PRK PARLIMEN P.186 SANDAKAN

1. Dalam usaha menggalak dan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.186 Sandakan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meneruskan inisiatif penghantaran kad pengundi (*voter's card*) kepada **39,349 orang pengundi** yang meliputi **270 orang pengundi awal** dan **39,079 orang pengundi biasa**.
2. *Voter's card* tersebut mengandungi maklumat pengundian iaitu **pusat mengundi, saluran, bilangan, tarikh dan masa mengundi**. Maklumat tersebut akan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada hari mengundi awal pada 7 Mei 2019 dan hari mengundi biasa pada 11 Mei 2019.
3. Pengundi yang telah menerima *voter's card* tidak lagi perlu membuat semakan di Barung SPR untuk menyemak saluran dan nombor bilangan pengundi dalam daftar pemilih kerana kedua-dua maklumat berkaitan telah dinyatakan dalam kad tersebut. SPR telah mengedarkan *voter's card* mulai 19 April 2019 kepada semua pengundi bagi PRK Parlimen P.186 Sandakan, Sabah.
4. SPR menegaskan bahawa pengundi masih perlu membawa **kad pengenalan** bagi pengesahan identiti untuk mengundi dan diingatkan supaya membawa ***voter's card*** atau **catatan maklumat daftar pemilih** pada hari mengundi bagi memudahkan semakan.

5. Bagi mana-mana pengundi yang tidak menerima *voter's card* berkenaan boleh membuat semakan maklumat pengundian iaitu pusat mengundi, saluran dan nombor bilangan. Semakan boleh dibuat melalui portal SPR [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my) atau Aplikasi **MySPR Semak** atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) (**SPR <jarak> SEMAK <jarak> NOMBOR KAD PENGENALAN** hantar ke nombor **15888** atau menghubungi talian hotline SPR di **03-8892 7018**).

Sekian.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

**Pengerusi**

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 24 April 2019 / 18 Syaaban 1440H